

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PENGURUSAN DAN PEMBAIKAN CERUN SELANGOR

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah lokaliti cerun dan bilangan kes tanah runtuh berlaku antara tahun 2008 hingga Jun 2017?
- b) Apakah pelan pengurusan dan pembaikan cerun Kerajaan Selangor dan bajet tahun 2017?
- c) Berapakah kematian dan kerugian kes tanah runtuh tahun 2008 hingga Jun 2017?

JAWAPAN:

- a) Mengikut maklumat yang diperolehi daripada Unit Pengurusan Bencana SUK Selangor yang mula ditubuhkan pada tahun 2014, bermula tahun 2014 sehingga tahun 2017 direkodkan sebanyak lapan (8) kes kejadian tanah runtuh / tanah mendap telah berlaku di Negeri Selangor. Maklumat berkaitan dilampirkan bersama.

Mengikut maklumat yang diperolehi daripada JKR Malaysia, Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC), daripada tahun 2008 hingga tahun 2017 sebanyak (182) kes kejadian tanah runtuh / mendap telah dilaporkan berlaku di seluruh Negeri Selangor melibatkan jalan dan bangunan sahaja. Maklumat berkaitan dilampirkan bersama.

- b) Bagi tahun 2017, JKR Selangor memperolehi peruntukan perbelanjaan pembangunan dibawah VOT:P12/P.K1 Pelbagai Rancangan iaitu sebanyak RM 600,000.00 untuk tujuan membaikpulih cerun di seluruh Selangor.
- c) Mengikut Maklumat yang diperolehi daripada Unit Pengurusan Bencana SUK, daripada tahun 2014 sehingga 2017 yang melibatkan (8) kes kejadian tanah runtuh / tanah mendap, jumlah keluarga yang terlibat adalah sebanyak (34) keluarga dan (375) mangsa. Maklumat berkenaan dilampirkan bersama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KEMPEN *NO PLASTIC*

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang membatalkan kempen ini?
- b) Berapakah kadar pengurangan penggunaan plastik bagi aktiviti membeli belah harian di negeri Selangor?
- c) Tidakkah kerajaan negeri bercadang penguatkuasaan penggunaan plastik mudah terurai 'biodegrade' jika pengguna membayar 20 sen?

JAWAPAN:

- a) Kempen Beg Plastik merupakan salah satu inisiatif yang baik untuk mendidik dan meningkatkan tahap kesedaran penduduk di Negeri Selangor tentang kesan jangka panjang penggunaan beg plastik dan polistirena terhadap kesihatan dan alam sekitar. Selain itu, kempen ini juga bertujuan untuk mengawal pembuangan plastik, pencemaran alam sekitar, pencemaran sungai seterusnya mengurangkan kes-kes banjir di Negeri Selangor.

Oleh yang demikian, tidak ada sebab untuk Kerajaan Negeri Selangor menghentikan kempen ini memandangkan ianya adalah kempen yang baik untuk kesan jangkamasa panjang. Apa yang perlu ditekankan adalah sokongan dan kerjasama dari kalangan pemimpin-pemimpin negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan rakyat Negeri Selangor untuk sama-sama ke arah menjayakan kempen ini demi kesejahteraan generasi yang akan datang.

Selain itu, menjaga kebersihan patut dijadikan amalan dan dengan adanya kempen seperti ini, ianya dapat mengingatkan orang ramai untuk tidak membuang plastik merata-rata kerana beg plastik tidak lagi diperolehi secara percuma tetapi perlu dibayar. Ini sekaligus dapat menggalakkan orang ramai untuk membawa beg sendiri ketika membeli-belah sebagai langkah penjimatan.

- b) Bagi mengukur kadar pengurangan penggunaan plastik di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri belum mempunyai mekanisme yang tertentu untuk mendapatkan keputusan secara telus. Namun demikian, melalui inisiatif yang dilaksanakan di kalangan PBT seperti Majlis Perbandaran Selayang (MPS) contohnya, beberapa buah pasaraya telah menunjukkan kadar pengurangan penggunaan plastik yang agak baik seperti berikut:
- i. Giant Seri Gombak - kadar pengurangan penggunaan plastik 70%
 - ii. NSK Selayang - kadar pengurangan penggunaan plastik 60%
 - i. Tesco Rawang - kadar pengurangan penggunaan plastik 70%
- c) Kerajaan Negeri tiada halangan sekiranya pihak peniaga ingin membekalkan beg *biodegradable* untuk diberikan kepada pengguna yang telah membayar RM0.20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : TENAGA KERJA

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar KNS terhadap tenaga kerja warga asing di Selangor, sila nyatakan?
- b) Berapakah ramaikah bilangan pekerja ini diambil oleh anak-anak syarikat KNS, berikan perincian?
- c) Apakah ada mekanisme yang diambil oleh KNS bagi memantau pekerja warga asing di Selangor, sila nyatakan.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dasar Buruh Negara adalah di bawah tanggung jawab Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai dasar khusus berkenaan tenaga kerja warga asing di Selangor. Dasar berkenaan warga kerja asing hanya ada diperingkat Kerajaan Persekutuan, dibawah Kementerian Dalam Negeri dan digunapakai di semua negeri di Malaysia. Proses kelulusan dan pengawalan kemasukan warga kerja asing hanya dilaksanakan oleh agensi-agensi Persekutuan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Walaupun secara dasarnya Kerajaan mengawal kemasukan warga kerja asing ke Selangor, namun begitu khidmat tenaga kerja asing ini amat diperlukan oleh sektor perindustrian bagi menampung kekurangan tenaga kerja tempatan.

- b) Jumlah pekerja asing yang diambil bekerja oleh anak- anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor **207 orang**. Perincian seperti berikut;-

Anak Syarikat Kerajaan Negeri	Bilangan Pekerja Asing	Keterangan
Invest Selangor Berhad	Jerman : 1 orang	Tenaga Kerja Profesional
Kumpulan Darul Ehsan Berhad	Myanmar : 106 orang Bangladesh : 13 orang Nepal : 1 orang	Jumlah seramai 120 orang pekerja asing oleh syarikat Hebat Abadi Sdn.Bhd – syarikat milik penuh KDEB Waste Management Sdn. Bhd.
Permodalan Negeri Selangor Berhad	Tiada	
Worldwide Holdings Berhad	Tiada	
Central Spectrum (M) Sdn. Bhd.	Tiada	
Perbadanan Kerajaan Negeri Selangor	Tiada	
Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor	Indonesia : 62 India : 7 orang Nepal : 1 orang	Jumlah 70 orang pekerja asing yang bekerja di ladang-ladang kelapa sawit dan buah-buahan milik PKPS.
Kumpulan Hartanah Selangor Berhad	Tiada	
Tourism Selangor Sdn. Bhd.	Tiada	

Universiti Industri Selangor (UNISEL)	Indonesia : 3 orang Thailand : 1 orang Jepun : 1 orang Kenya : 1 orang Bangladesh : 1 orang	Jumlah 7 orang tenaga kerja profesional sebagai Pensyarah Kanan.
Yayasan Selangor	Tiada	
PNSB Insurance Brokers Sdn. Bhd.	Tiada	
Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS)	Thailand : 3 orang Indonesia : 2 orang Kemboja : 1 orang Singapura : 1 orang Filipina : 1 orang India : 1 orang	Jumlah 9 orang. 8 orang bekerja sebagai Pensyarah dan 1 orang sebagai sebagai Felo Penyelidik
INPENS	Tiada	

* Sumber : Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor.

- c) Secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai mekanisme dan perundangan khusus yang diperuntukkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam hal pemantauan pekerja asing di Negeri Selangor. Sebaliknya perkara tersebut adalah di bawah tanggung jawab Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Dalam Negeri dalam hal-hal pengambilan pekerja asing dan Kementerian Sumber Manusia dalam hal penggajian dan perburuhan.

Dalam membendung kebanjiran pekerja asing di Selangor, pihak Kerajaan Persekutuan hanya memberi kebenaran untuk mengambil pekerja asing dari Negara tertentu dan untuk bekerja dalam sektor tertentu sahaja seperti perkilangan, pembinaan, pertanian, perladangan dan perkhidmatan. Antara Negara – Negara dan sektor yang dibenarkan seperti;-

Negara	Jantina		Sektor
	Perempuan	Lelaki	
Thailand	/	/	Semua sektor (Pembinaan, Perladangan, Pertanian, Perkhidmatan dan Perkilangan)
Kemboja	/	/	
Nepal	/	/	
Myanmar	/	/	
Laos	/	/	
Vietnam	/	/	
Filipina	X	/	
Pakistan	/	/	
Sri Lanka	/	/	
Turkmenistan	/	/	
Uzbekistan	/	/	
Kazakstan	/	/	
India	/	/	<p>a. Pembinaan (<i>high tension cable</i>) ;</p> <p>b. Perkhidmatan (tukang emas, borong/ runcit, restoran-tukang masak, logam/ barang lusuh/ kitar semula, tekstil dan tukang gunting rambut);</p> <p>c. Pertanian; dan</p> <p>d. Perladangan</p>
Indonesia	/	/	Pekerja lelaki Indonesia dibenarkan bekerja dalam semua sektor kecuali sektor perkilangan, manakala bagi wanita Indonesia boleh bekerja di semua sektor.
Bangladesh	/	/	Perladangan secara G2G

* Sumber : Kementerian Dalam Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PROJEK PENCERAHAN SELANGOR

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hasrat dan sasaran yang ingin dicapai melalui projek ini?
- b) Bagaimanakah proses pemilihan judul-judul buku yang diterjemahkan dilakukan?
- c) Apakah strategi yang diambil supaya projek ini dimanfaatkan dengan lebih luas?

JAWAPAN:

- b) Kempen Beg Plastik merupakan salah satu inisiatif yang baik untuk mendidik dan meningkatkan tahap kesedaran penduduk di Negeri Selangor tentang kesan jangka panjang penggunaan beg plastik dan polistirena terhadap kesihatan dan alam sekitar. Selain itu, kempen ini juga bertujuan untuk mengawal pembuangan plastik, pencemaran alam sekitar, pencemaran sungai seterusnya mengurangkan kes-kes banjir di Negeri Selangor.

Oleh yang demikian, tidak ada sebab untuk Kerajaan Negeri Selangor menghentikan kempen ini memandangkan ianya adalah kempen yang baik untuk kesan jangkamasa panjang. Apa yang perlu ditekankan adalah sokongan dan kerjasama dari kalangan pemimpin-pemimpin negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan rakyat Negeri Selangor untuk sama-sama ke arah menjayakan kempen ini demi kesejahteraan generasi yang akan datang.

Selain itu, menjaga kebersihan patut dijadikan amalan dan dengan adanya kempen seperti ini, ianya dapat mengingatkan orang ramai untuk tidak membuang plastik merata-rata kerana beg plastik tidak lagi diperolehi secara percuma tetapi perlu dibayar. Ini sekaligus dapat menggalakkan orang ramai untuk membawa beg sendiri ketika membeli-belah sebagai langkah penjimatan.

- b) Bagi mengukur kadar pengurangan penggunaan plastik di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri belum mempunyai mekanisme yang tertentu untuk mendapatkan keputusan secara telus. Namun demikian, melalui inisiatif yang

dilaksanakan di kalangan PBT seperti Majlis Perbandaran Selayang (MPS) contohnya, beberapa buah pasaraya telah menunjukkan kadar pengurangan penggunaan plastik yang agak baik seperti berikut:

- i. Giant Seri Gombak - kadar pengurangan penggunaan plastik 70%
 - ii. NSK Selayang - kadar pengurangan penggunaan plastik 60%
 - ii. Tesco Rawang - kadar pengurangan penggunaan plastik 70%
- c) Kerajaan Negeri tiada halangan sekiranya pihak peniaga ingin membekalkan beg *biodegradable* untuk diberikan kepada pengguna yang telah membayar RM0.20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN LONGKANG KAMPUNG DAN TAMAN

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah longkang dan parit tersumbat di kampung atau taman seperti di Taman Semenyih Indah, Kg Rinching dan Kampung Sesapan Batu Rembau yang menyebabkan banjir kilat
- b) Agensi mana yang sepatutnya bertanggungjawab terhadap perkara di atas

JAWAPAN:

- a) Perancangan bagi longkang bermasalah seperti rosak atau uzur pihak MPKj akan menggantikan secara berperingkat mengikut aduan yang diterima. Jika longkang yang tersumbat, pihak MPK sentiasa melakukan kerja-kerja pembersihan longkang mengikut jadual yang telah ditetapkan. Bagi longkang di kampung, pihak Pembangunan Luar Bandar (PLB), Pejabat Tanah Daerah bertanggungjawab bagi perancangan dan penyelenggaraan kawasan kampung yang terlibat.
- b) Bagi kawasan yang melibatkan taman-taman perumahan, longkang-longkang yang tersumbat serta penyelenggaraan adalah dibawah tanggungjawab pihak MPKj. Jika melibatkan rezab sungai atau kolam takungan, pihak Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) bertanggungjawab bagi seliaan tersebut. Manakala bagi kawasan kampung, pihak Pembangunan Luar Bandar (PLB) Pejabat Tanah Daerah adalah bertanggungjawab menyelenggara kawasan longkang dan sistem pengairan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PASUKAN BOLASEPAK PKNS FC

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bagaimanakah prestasi terkini PKNS FC.
- b) Sila nyatakan apakah sasaran dan matlamat PKNS FC sepanjang tahun 2017.
- c) Sila nyatakan apakah cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh PKNS FC bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

JAWAPAN:

- a) Kelab bolasepak PKNS FC setakat 18 Julai 2017 telah menduduki tempat ke-9 dalam Liga Super Malaysia dengan mengutip sebanyak 15 mata melalui 3 kemenangan, 6 seri dan 7 kekalahan. Manakala bagi kempen Piala Malaysia, PKNS FC berada di kedudukan nombor 4 dalam peringkat kumpulan D dengan catatan 1 mata setelah melalui 3 perlawanan.
- b) Sasaran PKNS FC pada tahun 2017 adalah untuk berada di kelompok 5 pasukan terbaik di dalam Liga Super 2017 dan seterusnya kekal bersaing di dalam Liga Super pada musim 2018. PKNS FC juga telah telah mensasarkan untuk melayakkan diri ke peringkat suku akhir dalam perlawanan Piala Malaysia 2017.
- c) Kelab bolasepak PKNS FC telah menghadapi beberapa cabaran dalam usaha untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pengurusan kelab. Cabaran-cabaran tersebut adalah seperti :
 - i. Isu kecederaan yang melanda beberapa tonggak pasukan seperti Safee Sali (patah tulang selangka) dan Gonzalo Soto selaku pemain pertahanan (cedera lutut kanan);
 - ii. Jadual perlawanan yang padat menyebabkan kesukaran untuk mengekalkan prestasi pemain dengan konsisten. Contoh seperti sepanjang bulan Julai 2017, terdapat 9 perlawanan (untuk 2 kejohanan iaitu Liga Super dan Piala Malaysia).

Cabaran untuk mendapatkan pemain yang berkualiti dan setanding dengan pasukan elite di dalam Liga Super yang memiliki dana jauh lebih besar daripada PKNS FC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : STATUS PERMOHONAN CADANGAN MENAIKTARAF KAWASAN
PERKUBURAN INDIA MERU OLEH MBSA PADA NOVEMBER 2016.
KEADAAN TERKINI, TAPAK YANG ADA BER CERUN DAN BERPAYA
AMAT TERHAD BAGI TAPAK BARU**

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah anggaran kos keseluruhan cadangan tersebut?
- b) Apakah bentuk cadangan pembangunan tersebut?
- c) Bilakah jangkaan cadangan itu dapat dilaksanakan dan dimanfaatkan oleh kaum India?

JAWAPAN:

- a) Kos keseluruhan bagi cadangan projek menaiktaraf kawasan perkuburan India ini adalah berjumlah RM 1,981,344.85.
- b) Terdapat beberapa cadangan pembangunan bagi menaiktaraf kawasan perkuburan tersebut antaranya adalah seperti berikut;
 - Menambak tanah di kawasan bercerun bagi penyediaan tapak-tapak kubur.
 - Melakukan kerja-kerja membaikpulih sistem perparitan sediaada.
 - Menyediakan kemudahan infrastruktur yang meliputi jalan masuk, lampu jalan dan sistem perparitan yang sempurna.
- c) Cadangan menaiktaraf kawasan perkuburan ini sedang dalam proses untuk diiklankan pada bulan Julai 2017. Projek menaiktaraf dijangka akan dapat dilaksanakan pada pertengahan bulan Ogos 2017 dan tempoh bagi menyiapkan projek ini adalah selama enam bulan serta dijangka boleh digunakan pada awal tahun 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : HALAL SELANGOR

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan produk-produk halal keluaran IKS Selangor?
- b) Adakah Selangor mempunyai logo halal sendiri?
- c) Sejauh mana logo halal Selangor boleh diterima di peringkat antarabangsa?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor telah merangka inisiatif bagi mempertingkatkan produk-produk usahawan dalam kategori produk halal. Beberapa program bagi peningkatan kualiti produk seperti Latihan/Kursus Keusahawanan, Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P) dan Pameran/Ekspo bertaraf antarabangsa telah dirancang pada setiap tahun bagi memberi peluang kepada usahawan mempertingkatkan mutu dan pasaran produk mereka.
 - i) **KURSUS/LATIHAN**
Bagi usahawan di peringkat permulaan, Kerajaan Negeri menganjurkan kursus-kursus untuk memberi pendedahan mengenai kaedah bagaimana untuk mempersiapkan produk mereka sekurang-kurangkan untuk menembusi pasaraya tempatan. Pada kursus dan latihan yang dianjurkan beberapa modul berkaitan peningkatan kualiti produk seperti MeSTI, Halal dan *Barcode* merupakan modul yang wajib dilaksanakan pada setiap tahun bagi memberi pendedahan dan peluang kepada para usahawan untuk mengorak langkah maju ke hadapan dan meluaskan pasaran produk mereka.

ii) **PROGRAM PENINGKATAN KEUPAYAAN REKA BENTUK
PEMBUNGKUSAN PRODUK USAHAWAN NEGERI SELANGOR (4P)**

Untuk membawa produk ke tahap yang lebih tinggi Kerajaan Negeri mengadakan program ini khususnya kepada usahawan yang sudah bersedia meluaskan pasaran ke pasaraya rantaian dan ke peringkat antarabangsa. Peserta yang menyertai program ini akan menjalani tiga (3) siri bengkel yang meliputi modul keperluan teknikal, strategi penjenamaan, peraturan pelabelan dan pembungkusan, keperluan dan peningkatan teknologi, proses pendaftaran jenama dan *barcode*, dan pembangunan asas kawalan kualiti ke arah pelaksanaan GMP dan persijilan Halal Malaysia. Pada akhir program usahawan akan mendapat cetakan pembungkusan yang mempunyai piawaian bukan sahaja untuk pasaran tempahan malahan antarabangsa.

iii) **PAMERAN/EKSPLO**

Salah satu langkah bagi mengembangkan lagi permintaan pasaran produk para usahawan di negeri Selangor adalah melalui ekspo dan pameran. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menerima jemputan untuk menyertai ekspo dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *Selangor International Expo (SIE)* dan *Malaysia Halal Festival (HALFEST)*. Usahawan yang berkecayaan akan ditawarkan untuk menyertai ekspo/ pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor. Penganjuran ekspo dan pameran ini telah memberi ruang kepada usahawan dalam meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke peringkat antarabangsa.

b) dan (c) dijawab bersekali.

Halal adalah merupakan faktor yang penting bagi umat Islam dalam pemilihan makanan dan adalah wajib bagi umat Islam untuk hanya makan makanan yang bukan sahaja bersumberkan halal, tapi ia juga baik dan bersih. Sijil dan logo halal bukan sahaja memberi jaminan kepada masyarakat Islam bahawa sesuatu makanan atau produk itu halal mengikut syarak tetapi ia juga mempunyai implikasi besar kepada industri atau pengusaha yang mengeluarkannya.

Aspek halal menjadi satu sistem kualiti dalam dunia perniagaan hari ini termasuk di peringkat global yang dapat menarik pelanggan Muslim dan bukan Muslim.

Halal bukan sahaja dilihat dari sudut keagamaan tetapi satu komponen penting dalam dunia perniagaan termasuk pasaran halal global. Negara bukan Islam juga mengutamakan produk halal untuk pengguna mereka kerana aspek kualiti dan keselamatan.

Hanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) boleh mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia. Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 jelas memperuntukkan hanya Jakim dan MAIN sebagai pihak berkuasa atau autoriti mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia atau untuk memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan ataupun barang-barang itu adalah halal mengikut Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011. Bermula 1 Januari 2012, hanya logo halal yang dikeluarkan oleh JAKIM yang boleh digunakan dan diiktiraf di Malaysia dan tiada logo halal yang dikeluarkan mengikut negeri.

Pensijilan Halal Malaysia bersifat sukarela, bukan wajib atau paksaan, tiada peraturan yang mewajibkan mana-mana syarikat untuk mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia daripada JAKIM atau mana-mana Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau MAIN. Ini juga bermakna JAKIM mahupun MAIN tidak sewenang-wenangnya mengharamkan atau membuat pengisytiharan tidak halal kepada mana-mana syarikat atau produk.

Pemegang sijil halal terikat dengan beberapa standard halal dan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia. Walaupun tidak wajib, mana-mana syarikat yang memilih untuk mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia, mereka perlu memohon melalui prosedur yang ditetapkan sekaligus terikat dengan segala peraturan dan garis panduan yang ditetapkan berdasarkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia.

Sijil Halal Malaysia dikenali dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Dunia mengiktiraf dan menyanjung tinggi sijil halal Malaysia dan negara-negara maju yang terkenal dengan dasar amat ketat dalam hal pengimportan barang-barang makanan ke negara mereka seperti Jepun, Korea Selatan, United Kingdom, New Zealand, Australia dan banyak negara maju yang lain mengiktiraf sijil halal Malaysia.

Sehingga hari ini 33 negara telah memohon agar JAKIM mengiktiraf sijil-sijil halal yang dikeluarkan dan 56 badan pensijilan antarabangsa telahpun diiktiraf JAKIM. Bagi negara-negara yang telah mendapat pengiktirafan halal JAKIM, mereka dikehendaki mengikut sepenuhnya piawaian, garis panduan dan peraturan halal yang telah ditetapkan JAKIM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : KEWANGAN UNISEL

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kedudukan kewangan UNISEL dari 2014-2016?
- b) Apakah strategi Kerajaan Negeri bagi memastikan kerugian UNISEL menurun setiap tahun?

JAWAPAN:

- a) Kedudukan kewangan bagi tahun 2014 mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM 10,583,392, manakala bagi tahun 2015, kerugian meningkat kepada RM 16,564,999.

Manakala bagi tahun berakhir 2016, setelah pelarasan dibuat, deraf audit sebelum cukai mencatatkan keuntungan sebanyak RM 7,300,994. Walau bagaimanapun, deraf audit ini masih dalam proses pengauditan dan belum dapat disahkan sepenuhnya.

Tahun 2014 – Rugi (RM 10,583,392)

Tahun 2015 - Rugi (RM 16,564,999)

Tahun 2016 – Deraf Audit RM 7,300,994 (perkembangan positif yang membuktikan langkah-langkah penjimatan dan proses transformasi yang diperkenalkan awal tahun 2016 menampakkan hasil dan berjaya mencapai objektif) .

- b) Kerajaan Negeri telah membantu dalam penyaluran dana bagi memastikan infrastruktur dan kemudahan (khususnya “capital expenditure”) di UNISEL diperbaiki dan dimajukan bagi memberi persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang lebih kondusif dan lebih selesa. Penyaluran dana dan geran ini telah membantu dalam meningkatkan jumlah pelajar, menambahkan keyakinan masyarakat terhadap kemampuan UNISEL, sekaligus meningkat hasil yuran dan mengurangkan kerugian semasa UNISEL.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : RIZAB AIR TERAWAT

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah margin rizab air di Selangor terbaru dan bilangan loji rawatan air yang telah beroperasi di Selangor setiap kapasiti setiap satu daripadanya?
- b) Senaraikan kesemua kes kecurian air serta kerugian yang terlibat di Selangor dari tahun 2010 hingga sekarang.

JAWAPAN:

- a) Purata Margin rizab air di Selangor pada tahun 2017 sehingga bulan Jun adalah 3.54%

2017	Purata Pengeluaran Harian (JLH)	Kapasiti Boleh Agih (JLH)	Kapasiti Rizab (JLH)	Kapasiti Rizab (%)
Jan	4,846	5,027	181.39	3.61
Feb	4,859	5,027	168.00	3.34
Mac	4,893	5,027	134.00	2.67
Apr	4,844	5,027	183.00	3.64
Mei	4,857	5,027	170.00	3.38
Jun	4,796	5,027	231.00	4.60
Purata	4,849	5,027	177.90	3.54

Nota: Kapasiti Boleh Agih = 5,027 JLH adalah berdasarkan surat SPAN Ruj: SPAN/KPA/700-7/1
Klt.42(30) Bertarikh 22 Mac 2016

Kapasiti Agihan Setiap Loji Rawatan Air di Selangor adalah seperti berikut.

SENARAI LOJI-LOJI RAWATAN AIR DI SELANGOR				
Bil.	Loji Rawatan Air (LRA)	Kapasiti Rekabentuk (jlh)	*Kapasiti Agihan (jlh)	Operator Air
1	SSP2	950.0	970.0	Air Selangor
2	BRH	65.5	65.6	Air Selangor
3	Batang Kali	20.3	20.3	Air Selangor
4	Sg Dusun	1.3	1.3	Air Selangor
5	Sg Selisek	1.3	1.3	Air Selangor
6	Sg Tenggi	1.3	1.3	Air Selangor
7	Kalumpang	6.7	6.7	Air Selangor
8	Kuala Kubu Bharu	6.7	6.7	Air Selangor
9	Sg Buaya	0.9	0.9	Air Selangor
10	North Hummock	22.5	22.5	Air Selangor
11	Sg. Sireh	27.0	27.0	Air Selangor
12	Rantau Panjang	31.5	31.5	Air Selangor
13	Bukit Nanas	145.0	145.0	Air Selangor
14	Sg Batu	113.7	141.0	Air Selangor
15	Ampang Intake	18.0	18.0	Air Selangor
16	Sg Rangkap	9.0	9.0	Air Selangor
17	Gombak	22.5	30.0	Air Selangor
18	Kepong	4.5	4.5	Air Selangor
19	Sg Rumpit	2.3	2.3	Air Selangor
20	Wangsa Maju	45.0	47.0	Air Selangor
21	Sg Semenyih	545.0	680.0	Air Selangor
22	Sg Langat	386.0	472.6	Air Selangor
23	Cheras Batu 11	27.0	28.0	Air Selangor
24	Sg Serai	0.9	0.9	Air Selangor
25	Sg Lolo	2.9	3.4	Air Selangor
26	Sg Pangsoon	1.8	1.8	Air Selangor
27	Bukit Tampo	31.5	32.6	Air Selangor
28	Salak Tinggi	10.8	10.8	Air Selangor
29	Sg. Labu	105.0	110.0	Air Selangor
30	SSP1	950.0	1,045.0	Splash
31	SSP3	800.0	880.0	Splash
32	RASA	250.0	210.0	Splash
JUMLAH KESELURUHAN		4,605.9	5,027.0	
33	Semenyih 2	100.0		Air Selangor <i>(Dijangka siap pada Dis. 2017)</i>
34	Langat 2	325.0		Air Selangor <i>(Dijangka siap pada Mac. 2018)</i>
35	Labohan Dagang	200.0		Air Selangor <i>(Dijangka siap pada Jan 2019)</i>

- b) Sehingga sekarang jumlah kes kecurian adalah 34,911 dan jumlah kerugian adalah RM44 juta seperti berikut.

Tahun	Petaling	Kuala Lumpur	Klang	Gombak	Hulu Langat	Hulu Selangor	Kuala Langat	Selangor	Kuala Selangor	Sabak Bernam	JUMLAH
2010	1,175	447	684	455	537	549	135	127	69	46	4,224
2011	1,123	521	706	493	221	200	220	138	95	58	3,775
2012	665	448	714	517	329	503	198	90	74	45	3,583
2013	841	412	538	472	279	274	233	104	78	59	3,290
2014	723	409	1,785	496	335	297	242	143	84	38	4,552
2015	541	454	5,249	444	624	250	362	171	122	85	8,302
2016	505	319	1,085	824	461	273	222	87	94	35	3,905
2017	865	540	395	362	485	464	58	75	29	7	3,280
JUMLAH KES KECURIAN											34,911
Tahun	Petaling	Kuala Lumpur	Klang	Gombak	Hulu Langat	Hulu Selangor	Kuala Langat	Selangor	Kuala Selangor	Sabak Bernam	JUMLAH (RM)
2010	304,128	741,202	455,443	242,480	641,714	491,500	9,243	62,907	55,463	9,058	3,013,137
2011	258,865	324,649	690,625	456,676	292,916	490,280	66,289	84,320	69,549	10,975	2,745,146
2012	343,647	315,775	1,042,563	595,160	235,561	563,255	109,369	44,013	18,633	12,728	3,280,704
2013	4,279,903	398,275	3,103,173	494,357	217,915	172,137	509,666	110,360	52,509	4,436	9,342,732
2014	1,299,297	2,944,728	8,378,683	359,164	339,018	642,786	172,675	261,291	61,216	97,696	14,556,555
2015	794,468	434,387	4,415,277	496,413	253,605	393,525	245,963	36,262	231,025	-	7,300,926
2016	304,675	172,839	357,543	341,717	100,818	432,831	52,505	43,983	13,009	2,409	1,822,329
2017	24,751	7,045	2,289,021	612	1,655	-	9,034	-	18,209	-	2,350,326
JUMLAH KERUGIAN (RM)											44,411,855

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : JALAN KAMPUNG

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk memproses kelulusan penyelenggaraan jalan-jalan kampung?
- b) Apakah usaha untuk mempercepatkan proses hingga siap penyelenggaraan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri peka dengan kepentingan pembangunan luar bandar supaya ia seiring dengan pembangunan di bandar. Selaras dengan hasrat tersebut, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan luar bandar dengan tujuan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam/ asas luar bandar seperti jalan, longkang, dewan serba guna, balai raya dan lain-lain yang akan dilaksanakan melalui Kerajaan Negeri oleh Pejabat Daerah dan Tanah.

Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM15 juta bagi baik pulih dan naik taraf jalan-jalan kampung dan sehingga 30 Jun 2017 sebanyak 195 buah projek berjumlah RM13.6 juta telah diberi kelulusan bagi pelaksanaan untuk sembilan (9) daerah di Negeri Selangor.

Untuk makluman, permohonan bagi projek-projek baik pulih dan naik taraf jalan-jalan luar bandar ini akan dikemukakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah yang lengkap bersama *Bill of Quantity* (BQ) dan juga gambar. Setelah permohonan lengkap ini dihantar ke Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, semakan dan penilaian permohonan akan dibuat dan pertimbangan kelulusan adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar di tapak.

Setelah permohonan disemak dan diluluskan, makluman kelulusan berbelanja akan dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan Tanah untuk melaksanakan proses perolehan. Tempoh masa bagi kelulusan permohonan projek baik pulih dan naik taraf jalan-jalan luar bandar ini yang telah ditetapkan adalah tidak lebih dari 21 hari bekerja selaras dengan ISO 9001:2015 Pengurusan Permohonan

Projek Infrastruktur Kecil yang Bernilai RM100,000 dan ke bawah yang diperuntukkan oleh Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri (P01).

Merujuk kepada cabutan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 26/ 2016 yang diadakan pada 10 Ogos 2016 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 27/ 2016 pada 17 Ogos 2016, secara dasarnya kerajaan Negeri bersetuju pelaksanaan penyelenggaraan jalan-jalan luar bandar di atas tanah persendirian yang tidak berdaftar di dalam sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) ditanggung mengguna pakai peruntukan Kerajaan Negeri. Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor telah mengeluarkan surat makluman kepada semua Pejabat Daerah dan Tanah mengenai keputusan ini untuk tindakan selanjutnya.

- b) Kerajaan Negeri amat prihatin dan komited dalam pembangunan infrastruktur di luar bandar. Oleh yang demikian, pada bulan Disember 2016 Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif supaya semua Pejabat Daerah/ Tanah untuk menghantar inventori maklumat keperluan jalan-jalan luar bandar, dewan serba guna, balai raya bagi pelaksanaan tahun 2017. Ini adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan kelulusan permohonan projek baik pulih jalan luar bandar dikemukakan kepada Pejabat Daerah /Tanah selewat-lewatnya suku tahun kedua berdasarkan peruntukan tahunan yang telah diluluskan. Kaedah inventori tersebut akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang tertakluk kepada dasar pembangunan luar bandar Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor akan memantau pelaksanaan projek luar bandar tersebut melalui Laporan Prestasi Bulanan yang perlu dihantar oleh semua Pejabat Tanah dan Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : OPEN GOVERNMENT

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi dan pelan tindakan di bawah visi SMARTSELANGOR bagi mewujudkan konsep Open Government untuk kelestarian hidup rakyat Selangor?
- b) Senaraikan pendekatan yang telah dibuat untuk merealisasikan Open Government di Selangor.

JAWAPAN:

- a) Smart Governance merupakan salah satu domain di bawah visi Smart Selangor yang bertindak sebagai strategi dalam mewujudkan konsep *Open Government*. Prinsip utama yang diketengahkan untuk sebarang pelan tindakan atau inisiatif-inisiatif di bawah domain ini adalah berlandaskan kepada ketelusan dan keterbukaan Kerajaan Negeri di samping kesediaan menggunakan teknologi pintar bagi meningkatkan kelestarian kehidupan rakyat Selangor.

Beberapa inisiatif yang menjurus kepada pembentukan *Open Government* sedang di rencanakan dan dilaksanakan sebagai projek perintis di bawah domain *Smart Governance* dalam blueprint Smart Selangor. Di antaranya adalah membangunkan sebuah aplikasi *Public-Citizen Partnership* (PCP) yang akan membolehkan rakyat menyuarakan pandangan secara terus kepada kerajaan akan cadangan polisi ataupun pembangunan yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan. Satu lagi pelan tindakan ialah membangunkan sebuah *executive dashboard* yang terbuka (*Open*) dan akan memaparkan angka prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kerajaan, PBT dan wakil rakyat.

- b) Aplikasi-aplikasi yang bakal dibangunkan di bawah Smart Governance akan diuji bersama PBT, agensi dan rakyat dalam beberapa kawasan percubaan dahulu. Sekiranya berjaya, maka ianya akan digunakan dengan lebih meluas di kawasan-kawasan lain di negeri Selangor.

Bagi merealisasikan konsep *Open Government*, beberapa inisiatif lagi telah dikenalpasti di bawah domain Smart Governance ini yang akan mengintegrasikan teknologi-teknologi pintar ke atas operasi sektor awam bagi memperbaiki perkhidmatan awam dan menggalakkan penglibatan dan kolaborasi daripada rakyat, agensi-agensi Kerajaan Negeri dan pihak industri. Selain dari aplikasi PCP

dan pembangunan state dashboard yang disebut di atas, inisiatif utama yang telah dikenalpasti dan sedang dibangunkan ialah Smart Application Development Platform (SADP).

Smart Application Development Platform (SADP) merupakan asas kepada platform *Open Data* untuk mempermudah proses perkongsian maklumat dengan lebih pantas, terbuka dan menyeluruh antara agensi Kerajaan Negeri dan pengguna platform yang terdiri daripada rakyat dan pihak industri. Ia akan menyediakan infrastruktur digital di mana data-data dari agensi-agensi Kerajaan Negeri dapat dikumpulkan dan dianalisa untuk diseragamkan. Seterusnya, platform SADP ini boleh digunakan oleh rakyat dan industri-industri untuk membangunkan dan menghasilkan aplikasi untuk kegunaan mereka sendiri atau orang awam.

Selari dengan pembangunan SADP ini, pihak SSDU juga sedang giat bekerjasama dengan pihak Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), UPEN, Unit Pengurusan Bencana, PBT, dan agensi kerajaan negeri yang utama untuk berkongsi maklumat secara berperingkat dan mengintegrasikan sistem-sistem utama untuk meningkatkan perkhidmatan Kerajaan Negeri. Antara sistem yang akan diintegrasikan melalui SADP ini ialah sistem pengurusan aduan, aplikasi untuk jadual Bas Smart Selangor, sistem pengurusan sisa pepejal, sistem maklumat pengurusan kualiti udara, dan sistem pengurusan bencana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : BAJET SELANGOR 2017

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peratusan pelaksanaan Bajet Selangor 2017.
- b) Sejauh manakah pelaksanaan Bajet Selangor 2017 menepati KPI yang ditetapkan?
- c) Adakah Kerajaan Negeri mengeluarkan laporan separuh tahun Bajet Selangor 2017?

JAWAPAN:

- a) Sehingga tarikh 30 Jun 2017, Bajet Negeri Selangor telah merekodkan perbelanjaan sebanyak RM1,400,157,829.94 atau 40.58% berbanding jumlah peruntukan yang diluluskan iaitu sebanyak RM3,450,000,000.00.
- b) Peratus perbelanjaan bagi tempoh setengah tahun pertama iaitu sebanyak 40.58% jelas menunjukkan kawalan perbelanjaan yang baik dan berhemat oleh semua Jabatan, serta menepati KPI yang telah ditetapkan. Momentum perbelanjaan akan menunjukkan peningkatan secara berperingkat pada setengah tahun kedua terutama apabila perolehan bekalan, perkhidmatan mahupun kerja telah selesai dilaksanakan dan pembayaran mula dilunaskan kepada pembekal.
- c) Kerajaan Negeri Selangor tidak mengeluarkan laporan separuh tahun bagi Bajet Selangor. Walau bagaimanapun, kedudukan perbelanjaan Kerajaan Negeri Selangor akan dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang diadakan tiga kali setahun. Laporan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor turut dilaporkan pada setiap bulan kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PERMOHONAN GANTIAN PAIP DI SEKSYEN 1 DAN SEKSYEN 14
PETALING JAYA**

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan insiden gangguan air kepada Seksyen 1 dan Seksyen 14 untuk 24 bulan yang lepas?
- b) Apakah status permohonan penduduk dan Ahli Dewan Negeri supaya projek penggantian paip dilaksanakan di 2 kawasan ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk tempoh 24 bulan yang lepas (2015 – 2016) sebanyak 158 insiden gangguan air melibatkan Seksyen 1 dan Seksyen 14.
- b) Mengikut rekod kami tiada permohonan diterima daripada penduduk atau Ahli Dewan Undangan Negeri bagi projek penggantian paip air di kawasan ini.

Walau bagaimanapun, mengikut bilangan insiden gangguan air di Seksyen 1 dan 14, seperti yang dinyatakan dalam jawapan (a) Kerajaan Negeri akan melaksanakan penilaian bagi program penggantian paip air lama berdasarkan Pelan Perniagaan jangka panjang Air Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : SISTEM PENYURAIAN KESESAKAN LALU LINTAS BANDAR BARU
SUNGAI BULOH BAWAH MBSA**

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) MBSA pernah memberi jawapan bahawa kesesakan tempat tersebut adalah dalam kajian MBSA. Apakah yang melambatkan proses penyuraian kesesakan di kawasan tersebut ?
- b) Bilakah jangkaan pelaksanaan sistem tersebut akan dilaksanakan ?

JAWAPAN:

- a) Pihak MBSA telah melaksanakan proses penyuraian kesesakan di kawasan Bandar Baru Sungai Buloh secara berperingkat. Pada Peringkat awal MBSA telah melaksanakan sistem jalan sehala di Jalan 1A/1 dan 1A/2, Seksyen U20 pada tahun 2008 kecuali jalan utama Bandar Baru Sungai Buloh Fasa 1 dan Jalan 1A/3, Seksyen U20 kerana kawasan tersebut adalah jalan yang menghubungkan ke kawasan perumahan. Sehubungan dengan itu, pada bulan Februari 2016 pihak MBSA juga telahewartakan kawasan tersebut sebagai zon tunda di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh Fasa 1 dan ini bagi membolehkan pihak MBSA mengambil tindakan saman ke atas pengguna yang meletakkan kenderaan di luar petak tempat letak kereta yang telah disediakan untuk menggelakkan kesesakkan lalulintas.

Kajian oleh pihak perunding Tetuan Ikram Berhad telah siap dilaksanakan dan cadangan oleh perunding untuk pembinaan jalan alternatif di Bandar Baru Sungai Buloh. Pihak pemborong projek pembinaan alternatif juga telah dilantik dan kerja di tapak telah bermula pada 1 November 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada 2 Oktober 2017.

- b) Perlaksanaan sistem aliran trafik telah bermula dimana pihak MBSA telahpun melantik pemborong iaitu Tetuan Infra Kirana Sdn. Bhd. bagi membina jalan alternatif yang menghubungkan antara Jalan 1D/A dan Persiaran Bukit Rahman Putra. Tempoh pembinaan projek ini adalah selama 48 minggu dan projek sedang dilaksanakan di tapak. Tempoh projek bermula dari 1

November 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada 2 Oktober 2017 dengan pelaksanaan projek jalan alternatif ini, kesesakan yang berlaku di pusat Bandar Baru Sungai Buloh dijangka akan dapat dikurangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : EARLY INTERVENTION PROGRAMME

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Early Intervention Programme di bawah Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Senaraikan penerima peruntukan Early Intervention Programme RM 3 juta serta jumlah yang diterima.

JAWAPAN:

- a) Dalam menjadikan Negeri Selangor terus makmur dan sejahtera, Program *Early Intervention Programme (EIP)* telah dilaksanakan bermula tahun 2017 sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap golongan kanak-kanak berkeperluan khas untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna.

Melalui program ini, Kerajaan Negeri dapat membantu institusi dan badan kebajikan yang menjalankan EIP di Selangor dengan menyalurkan bantuan kewangan untuk dimanfaatkan secara maksimum melalui penyediaan pendidikan dan pelbagai jenis terapi yang diperlukan oleh kanak-kanak.

Pemberian sumbangan ini adalah sebagai tanda sokongan Kerajaan Negeri terhadap institusi berkenaan dalam menyantuni golongan kanak-kanak berkeperluan khas.

- b) Senarai institusi dan badan kebajikan yang telah menerima sumbangan Program EIP adalah seperti berikut:-

Bil	Nama dan alamat institusi / badan kebajikan	Amaun diterima
1.	Pusat Asuhan Kanak-kanak Autisme, Andra Uphill Taska Andra, No,1, Jalan SM3, Taman Salak Maju, 43900 Salak Tinggi, Selangor.	RM50,000.00
2.	Pusat Pendidikan Khas Eden Firdaus Sdn. Bhd. Lot U-72-G & U-72-1, Jalan PJU 5/22, Red Carpet Avenue, Encorp Strand Mall, 47810 Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor	RM100,000.00
3.	Inisiatif Sokongan Autisme Nouri Berhad (InSaNi) No 30 Jalan SU 34, Taman Selayang Utama, 68100 Batu Caves, Selangor	RM100,000.00
4.	The National Autism Society Of Malaysia (NASOM) No. 5, Lorong Sepat 2, Taman Bertek Teluk Pulai, 41300 Klang, Selangor	RM100,000.00
5.	The Olive Trees School (tOts) No. 1-1-01, D'Vida Commercial Centre, Jalan Bazar U8/101, Bukit Jelutong, Seksyen U8, 40150 Shah Alam, Selangor	RM100,000.00
6.	Persatuan Kanak-kanak Istimewa Kajang No. 17, Jalan Seksyen 2/14, Taman Kajang Utama, 43000 Kajang, Selangor	RM100,000.00

Bil	Nama dan alamat institusi / badan kebajikan	Amaun diterima
7.	Persatuan Kebajikan Anak-anak Istimewa Selangor (ORKIDS) ORKIDS Office, No. 2, Jalan 22/57, SS1, Petaling Jaya, Selangor	RM100,000.00
8.	Kiwanis Down Syndrome Foundation Lot 13490, Jalan Jenjarum, Off Jalan SS23/1, Taman SEA, 47400 Petaling Jaya, Selangor	RM100,000.00
	JUMLAH	RM750,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : STATUS PERMOHONAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA OLEH
TETUAN OCEAN KINGDOM SDN BHD**

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan Kerajaan Negeri mengenai permohonan Ocean Kingdom Sdn Bhd memohon LPS dibawah Seksyen 67 Kanun Tanah Negara 1965 di tanah kerajaan di petak A Sungai Lima, Pulau Ketam, Kelang seluas 2,0968 meter persegi bagi tujuan penternakan ikan dalam sangkar?

JAWAPAN:

- a) Pentadbir Tanah Klang telah meneliti permohonan dari Tetuan Marine Kingdom Sdn Bhd yang dikemukakan melalui Pejabat Menteri Besar dan mendapati kawasan yang dipohon merupakan Zon Ekologi Semulajadi. Pentadbir Tanah Klang juga tidak dapat memperoses permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di kawasan tersebut memandangkan Pekeliling PTG Bil. 4/2015 tidak membenarkan sebarang bangunan atau struktur kekal didirikan di atas tapak LPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PERUMAHAN PPA1M DAN PR1MA

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kelebihan yang diberikan kepada PPA1M dan PR1MA berbanding syarikat swasta dan GLC Negeri Selangor?
- b) Apakah Kerajaan Negeri akan meneruskan kerjasama dengan pihak Kerajaan Persekutuan untuk merealisasikan projek kesejahteraan rakyat di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, semua projek-projek perumahan yang dijalankan sama ada ianya terdiri dari pihak swasta atau GLC Negeri Selangor ataupun Persekutuan adalah tertakluk kepada dasar-dasar semasa yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Negeri seperti Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor, Dasar Pembangunan Berasaskan 'Transit Oriented Development' (TOD), Rancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan dan Manual Garis Panduan dan Piawai Perancangan Negeri Selangor serta lain-lain dasar berkaitan bagi menggalakkan dan memperbanyakkan lagi rumah mampu milik di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, syarat-syarat yang dikenakan ke atas projek-projek PPA1M dan PR1MA yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di Negeri Selangor adalah sama seperti projek-projek yang dijalankan oleh pihak swasta dan GLC Negeri Selangor.

Namun begitu, bagi tujuan untuk menggalakkan dan memperbanyakkan lagi perumahan mampu milik di Negeri Selangor beberapa insentif telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor iaitu,

- i) Membenarkan peningkatan densiti pembangunan di antara 90 unit / ekar sehingga 120 unit / ekar tertakluk kepada zon pembangunan dengan mengambilkira kesesuaian lokasi / tapak cadangan, kemudahan infrastruktur seperti jalan keluar masuk (keperluan Laporan "Traffic Impact Assesement" (TIA) dan keperluan mematuhi syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBT. Bagi peningkatan densiti ini dibenarkan kepada

projek-projek PR1MA dan PPA1M dengan syarat 20% - 40% disediakan dengan Rumah Selangorku.

- ii) Menyediakan 'One Stop Centre' di LPHS melalui Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku bagi semua projek PR1MA dan PPA1M sebelum permohonan pelan-pelan pembangunan dikemukakan kepada PBT.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam merealisasikan projek kesejahteraan untuk rakyat di Negeri Selangor khususnya projek-projek perumahan mampu milik yang dibangunkan oleh PPA1M dan PR1MA. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telahpun mengambil langkah proaktif dengan menyediakan satu dasar khusus bagi sebarang projek PR1MA / PPA1M yang hendak dilaksanakan di Negeri Selangor. Bagi tujuan mempercepatkan kelulusan, semua permohonan projek PR1MA atau PPA1M akan dibincangkan terlebih dahulu dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku yang bertindak sebagai 'One Stop Centre' yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar Negeri Selangor.

Mesyuarat Jawatankuasa Induk ini turut dihadiri dari wakil Jabatan-jabatan teknikal di peringkat persekutuan, negeri mahupun tempatan termasuk agensi pelaksana Persekutuan seperti Unit Perumahan Awam 1 Malaysia, Jabatan Perdana Menteri dan Perbadanan PR1MA Malaysia yang akan membincangkan dari aspek dasar dan teknikal projek. Selepas diperakukan oleh Jawatankuasa Induk, permohonan tersebut akan diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk kelulusan dasar sebelum permohonan kelulusan pembangunan dikemukakan kepada PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : WABAK DENGGI

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kes denggi dan kematian pada tahun 2017 berbanding dengan tahun 2016 mengikut daerah.
- b) Nyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kes denggi dan menghapuskan nyamuk Aedes pada tahun 2017.

JAWAPAN:

- a) Laporan situasi Denggi di negeri Selangor secara kumulatif bagi tahun 2017 pada Epid 28 iaitu sehingga 15 Julai 2017 adalah 29,394 kes telah direkodkan. Manakala bagi tempoh yang sama untuk tahun 2016 mencatatkan kumulatif kes sebanyak 33,111 kes. Jumlah kes Denggi bagi tahun 2017 menunjukkan pengurangan sebanyak 11% iaitu sebanyak 3,717 kes berbanding 2016.

Kumulatif kes kematian pula adalah sebanyak 46 kes sehingga 15 Julai 2017 iaitu pengurangan sebanyak 0.4% berbanding tahun 2016 iaitu pengurangan 2 kes bagi tempoh yang sama. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan kes denggi dan kematian bagi tahun 2016 dan tahun 2017 mengikut daerah.

DAERAH	ME 27/2016	ME 28/2016	KUMULATIF KES		KUMULATIF KEMATIAN	
			2017	2016	2017	2016
Petaling	336	314	9,076	14,033	9	18
Hulu Langat	350	484	9,018	6,798	20	17
Klang	181	162	4,881	5,237	5	6
Gombak	140	144	3,338	3,468	7	2
Sepang	39	40	1,362	1,182	1	1
Kuala Langat	23	21	812	1,034	1	1
DAERAH	ME 27/2016	ME 28/2016	KUMULATIF KES		KUMULATIF KEMATIAN	

Hulu Selangor	26	9	452	733	2	2
Kuala Selangor	11	17	334	432	1	1
Sabak Bernam	6	2	121	199	0	0
JUMLAH	1,112	1,193	29,394	33,111	46	48

- b) Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri Selangor telah merancang dan merangka beberapa program utama yang sedang dilaksanakan pada tahun 2017 dengan menggunakan sepenuhnya peruntukan berjumlah RM5 juta bagi memastikan kadar kes demam denggi dan kadar kematian di Negeri Selangor berkurang dari semasa ke semasa.

Sebahagian besar peruntukan bagi tahun 2017 akan digunakan secara optimum dengan melantik **'Pest Controller Operator' PCO** di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut keperluan masing-masing. Penggunaan PCO ini dijangka dapat membantu pihak PBT dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dalam membuat aktiviti kawalan demam denggi terutama di kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan hotspot.

Kejayaan penurunan sebanyak 11% kes demam Denggi berbanding tahun 2016 ini tidak akan dicapai sekiranya pihak Kerajaan Negeri tidak mendapat kerjasama daripada semua pihak terutama Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor yang turut serta melaksanakan aktiviti gotong royong di kawasan masing-masing dengan menggunakan peruntukan RM10,000 yang telah disalurkan.

Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri meneruskan pengagihan **peruntukan kawalan dan pencegahan Denggi sebanyak RM10,000 setiap ADN** bagi bersama-sama membanteras denggi. Ahli-Ahli Yang Berhormat dimohon menggiatkan aktiviti gotong –royong memandangkan peruntukan telah disalurkan melalui Pejabat Daerah dan Tanah masing-masing.

Disamping itu, pada tahun ini pihak Kerajaan Negeri telah menyalurkan sebanyak **RM350,000 kepada semua Pejabat Tanah dan Daerah** bagi mengambil tindakan serta merta apabila mengenal pasti punca berlaku wabak. Mesyuarat mingguan yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya ini dipertanggungjawabkan untuk menyelaras semua aktiviti kawalan dan pencegahan di peringkat daerah masing-masing. Agensi di peringkat daerah akan dilibatkan termasuk wakil ADN dan ketua Kampung bagi mendapatkan kerjasama semua pihak.

Kerajaan Negeri juga telah merancang beberapa program secara berperingkat untuk dilaksanakan secara menyeluruh di semua daerah melalui PBT dan PKD. Salah satu program yang telah dilancarkan pada awal bulan Februari yang lalu

adalah **Program Semburan Aerosol Selangor – SAS** yang memfokuskan kawalan nyamuk aedes di dalam rumah. Program ini diteruskan oleh semua PBT dan ADN di peringkat masing-masing bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya kawalan Denggi di dalam rumah dengan membuat semburan aerosol.

Program SAS ini diteruskan di peringkat pengangkutan awam di Selangor di mana setiap pengusaha pengangkutan awam digalakkan untuk membuat semburan di dalam kenderaan awam masing-masing sebelum mengambil penumpang. Program ini melibatkan semua pengusaha Bas Smart Selangor, Bas Ekspres, Bas Berhenti-henti, Bas Sekolah, Bas Pekerja dan Pemandu Teksi.

Memandangkan kes demam Denggi di daerah Hulu Langat sangat membimbangkan pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Tindakan Denggi Peringkat Negeri telah bersetuju melaksanakan **OPS Denggi Selangor** iaitu program bersepadu PBT bagi membanteras peningkatan denggi di daerah Hulu Langat. Program ini akan mengumpulkan PBT di Negeri Selangor untuk membantu melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan di lokaliti wabak yang terdapat di dalam daerah Hulu Langat dalam tempoh dua (2) bulan, iaitu bermula pada 22 Julai 2017. Setiap PBT dikehendaki untuk menghantar sekurang-kurangnya satu pasukan berserta kelengkapan yang bersesuaian pada setiap hari Sabtu dan Ahad dalam tempoh tersebut. Program ini bertujuan untuk mengawal kes demam terutama di daerah Hulu Langat dan pada masa yang sama, aktiviti kawalan dan pencegahan di kawasan masing-masing akan terus dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PEKERJA ASING DAN WABAK

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan anggaran terkini jumlah pekerja asing yang bekerja di Selangor?
- b) Secara umumnya adakah kebanjiran pekerja asing ini merugikan atau menguntungkan kerajaan negeri?
- c) Pekerja asing punca pembawaan sesetengah wabak akibat tiada pengambilan vaksin. Apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Anggaran terkini jumlah pekerja asing yang bekerja di Selangor dari Januari hingga Jun 2017 adalah seramai **27,349 (Dua Puluh Tujuh Ribu Tiga Ratus Empat Puluh Sembilan)** orang dalam pelbagai sektor.
- b) Secara umumnya kebanjiran pekerja asing ini jika dilihat dari pelbagai sudut ada merugikan dan ada juga menguntungkan.

Merugikan :

- i. Banyak wang Negara mengalir keluar
- ii. Tenaga kerja tempatan diabaikan disebabkan majikan banyak memilih pekerja asing disebabkan tawaran gaji yang lebih rendah.
- iii. Kemahiran kerja banyak disalurkan kepada pekerja asing
- iv. Dari segi kesihatan, pekerja asing banyak membawa pelbagai wabak penyakit seperti tibi dan sebagainya.
- v. Peluang untuk mendapatkan status penduduk tetap akan terbuka luas setelah lama menetap di Malaysia. Peluang dan hak warganegara akan terhakis sedikit demi sedikit akibat kebanjiran pekerja asing.

Menguntungkan:

- i. Pekerja asing dilihat sebagai lasak dan boleh membuat pelbagai kerja berbanding pekerja tempatan.
 - ii. Pekerja asing tidak terlalu memilih dalam membuat kerja dan gaji yang diberikan.
 - iii. Menampung keperluan tenaga kerja yang tidak mahu diisi oleh pekerja warga tempatan dalam beberapa sektor yang dibenarkan seperti perkilangan, pembinaan, pertanian, perladangan dan perkhidmatan yang mana sektor – sektor ini menyumbang kepada pertumbuhan KDNK Negeri mahupun Negara
- c) Bagi mengawal penularan wabak penyakit yang dibawa oleh warga asing akibat tiada pengambilan vaksin, Kerajaan telah mewajibkan warga kerja asing yang akan diambil bekerja untuk menjalani pemeriksaan saringan kesihatan dengan Agensi Pemantauan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing (FOMEMA) sebelum permit kebenaran untuk bekerja di Malaysia dikeluarkan. Pekerja yang sihat sahaja yang akan diambil bekerja.

Selain itu, pekerja asing juga diminta untuk mengambil vaksin yang diperlukan sekiranya mereka ingin berkerja dalam sektor perkhidmatan atau sektor – sektor lain yang berkaitan, seperti industri makanan, restoren dan sebagainya.